

UCAPAN

Dato' Ahmad Fuaad Kenali,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Malakoff Corporation Berhad

Majlis Penutupan & Perpisahan – Port Dickson Power Plant

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

Yang Dihormati Puan Jamaliah Binti Wan Chik
Ketua, Sumber Manusia

Yang Berusaha Ir. Tuan Haji Mat Nasir bin Mohamed
Pengurus Stesyen Port Dickson Power Berhad

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat sama-sama hadir pada petang ini bagi menjayakan Majlis Penutupan dan Perpisahan – Port Dickson Power Plant. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada warga kerja PDP dan bekas warga kerja PDP yang sudi hadir meluangkan masa untuk hadir pada petang ini.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga kepada warga PDP yang masih bertugas di sini kerana sudi bekerjasama untuk menjayakan Majlis pada petang ini.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Saya ingin mengimbas kembali kewujudan Port Dickson Power Plant. Port Dickson Power Plant merupakan salah satu daripada syarikat Penjanakuasa Bebas (IPP) yang telah diberikan lesen oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1993 untuk menjana tenaga elektrik dan membantu menampung keperluan tenaga elektrik menjelang tahun 2000.

Rundingan untuk Perjanjian Pembelian Kuasa Elektrik selama 21 tahun ini bermula pada pertengahan tahun 1993 dan dimeterai didalam masa kurang daripada 6 bulan, pada 10 Disember 1997. “Financial Closure’ telah dicapai 6 hari kemudian pada 16 Disember dan pembinaan loji janakuasa yang berharga RM700 juta di Tanjung Gemuk Port Dickson telah dimulakan tidak lama selepas itu.

Sebagai suatu projek yang perlu dilaksanakan dengan begitu pantas sekali dengan mandat untuk mula beroperasi didalam jangkamasa 13 bulan, PDP Plant sesungguhnya telah menunjukkan prestasi cemerlang dengan menyiapkan projek ini 5 bulan lebih awal dari jangkamasa yang telah ditetapkan. Sesungguhnya, PDP merupakan loji janakuasa pengeluar tenaga bebas yang pertama di antara kelima-lima Pengeluar Tenaga Bebas yang memulakan operasi pembakaran tarbin gasnya. Tarbin gas 110MW GE MS9001E yang pertama di Port Dickson Power digerakkan tepat pada pukul 10.30 malam pada 29 Julai 1994, hanya sebelas minggu selepas ianya tiba di tapak dan kurang daripada 8 bulan

dari tarikh pembinaan loji janakuasa tersebut. Baki tiga unit lagi di gerakkan dalam tempoh sebulan – pada 30 Julai, 9 Ogos dan 26 Ogos. Dengan empat tarbin gas yang siap, PDP telah dapat menjana tenaga elektrik yang pertama kepada TNB pada 2 September 1994.

Keempat empat tarbin gas ini, dengan jumlah kapasiti kuasa padu sebanyak 440MW untuk menjana hampir 50,000 buah kediaman di aturkan di dalam 2 blok yang masing masing mempunyai 2 unit setiap satu. PDP Blok 1 memulakan operasi komersialnya pada 26 Januari 1995, diikuti oleh PDP Blok 2 pada 2 April 1995.

Pembukaan rasmi Loji Janakuasa PDP telah dirasmikan oleh YBhg. Dato Leo Moggie Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos Malaysia pada 12 Julai 1997.

Malakoff mengambilalih Bahagian Tenaga Sime Darby pada bulan 2014 yang sekaligus meletakkan PDP sebagai sebuah anak syariaht Malakoff pada bulan April 2014. Perjanjian Pembelian Kuasa Elektrik dengan TNB juga telah disambung lagi selama 3 tahun dari tahun 2016 hingga 2019.

Malakoff telah berusaha untuk meneruskan operasi PDP selepas 2019. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam menyakinkan kerajaan kepentingan PDP sebagai sebuah “peaking plant” yang boleh menampung keperluan tenaga negara. Walaubagaimanapun, kerajaan mempunyai objektif mereka untuk tujuan ini dan Malakoff perlu aku dengan keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja PDP terutama sekali kepada

pihak pengurusan yang telah berkhidmat dengan cemerlang serta mampu menyelia warga kerja yang meliputi jabatan penyelenggaraan dan produksi. Tidak lupa juga warga kerja yang terdiri daripada bukan teknikal.

Segala jasa serta komitmen anda yang tinggi selama 25 tahun akan sentiasa diingati dan dihargai.

Saya berharap tuan tuan dan puan puan yang akan berpindah ke stesyen janakuasa yang lain, samada di Prai, Lumut dan Tanjung Bin akan terus memberi komitmen kerja seperti yang dicurahkan disini.

Saya tidak menafikan rasa sedih kerana takdir telah menentukan kita berpisah, tetapi pada masa yang sama, saya berharap dan berdoa agar kita semua dilindungi dan dirahmati Allah. Semoga hari mendatang akan lebih baik daripada sekarang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.